

**SOALAN NO: 11**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL  
ANUAR BIN WAN AHMAD [ KUALA KANGSAR ]**

**TARIKH : 05 NOVEMBER 2014**

**SOALAN :**

**YB Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk membesar dan menaiktarafkan hospital di pekan-pekan kecil khususnya bandar-bandar diraja seperti Kuala Kangsar memandangkan keperluan dan permintaan yang amat mendesak.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memantau kemudahan-kemudahan kesihatan termasuk kemudahan hospital yang disediakan di seluruh negara bagi memastikan ia dapat menampung keperluan penduduk setempat.

Keperluan bagi pembinaan sesebuah hospital baru atau naiktaraf hospital sedia ada adalah berdasarkan kepada pelbagai faktor termasuk kepadatan

penduduk, kemudahan kesihatan/hospital sedia ada, akses kepada kemudahan sedia ada, penyediaan perkhidmatan/kepakaran baru dan lain-lain.

Sehingga tahun 2012, data bancian penduduk di Kuala Kangsar menunjukkan bilangan penduduk di Kuala Kangsar seramai 162,100 orang. Sehubungan itu, bagi mengatasi masalah kesesakan yang dihadapi selain bagi meningkatkan mutu perkhidmatan di hospital tersebut beberapa langkah telah diambil. Dalam RMK-9, sebanyak tiga (3) projek telah dilaksanakan. Projek membina klinik pakar perubatan & pakar kanak-kanak serta jurupulih carakerja, Hospital Kuala Kangsar dengan kos projek sebanyak RM1,988,110.96 dan telah siap serta beroperasi pada tahun 2010. Selain itu, KKM juga telah melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf sistem bekalan air dan sistem rawatan air kumbahan di Hospital Kuala Kangsar dengan kos melebihi RM2 juta.

Di samping itu, KKM telah mengemukakan permohonan bagi menaiktaraf unit kecemasan & trauma di hospital ini dalam *Rolling Plan 4* (2015) dan sedang menunggu kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU). Projek ini sekiranya diluluskan akan dapat mengurangkan kesesakan yang dihadapi di Jabatan Kecemasan di samping dapat meningkatkan mutu perkhidmatan kecemasan di Hospital Kuala Kangsar.

Bagi perancangan jangka masa panjang, KKM sedang mengkaji cadangan bagi menaiktaraf perkhidmatan di Hospital Kuala Kangsar bagi menjadikannya sebuah Hospital Pakar Minor yang akan dilaksanakan secara berperingkat.